

membina lagi rumah mampu milik untuk memberi manfaat yang lebih kepada rakyat," katanya.

Mengulas lanjut mengenai polisi pinjaman yang ditetapkan Bank Negara, Jagdeep berkata, banyak cara yang boleh diambil pihak bank sekiranya mahu mengurangkan risiko yang terpaksa ditanggung apabila meluluskan pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah, antaranya mengurangkan kadar faedah dan memberi tempoh bayaran pinjaman lebih panjang.

"Kita tahu mereka tidak mahu melalui proses perundangan yang banyak sekiranya golongan ini tidak mampu bayar hingga memberi alasan sedemikian, namun rumah kos rendah perlu diberi keutamaan kepada golongan itu kerana ia juga dapat meningkatkan sosioekonomi mereka sekali gus membolehkan pinjaman mudah dibayar.

"Jadi alasan dengan mengatakan bahawa ia berisiko tinggi dianggap tidak tepat apatah lagi menjadi tanggungjawab membantu mereka di peringkat awal," katanya.

Sementara itu, Jagdeep berkata, kerajaan negeri menyambut baik usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) apabila mewujudkan Sekretariat Muafakat Komuniti (SMK) di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Pada 17 Februari lalu, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Komuniti Negara yang mana ia adalah untuk mendaya upaya komuniti dan pendekatan kerajaan mencorak serta menggerak komuniti supaya mempunyai kesedaran serta prihatin terhadap harta benda, ruang dan kemudahan yang dikongsi bersama masyarakat setempat.

"Sehubungan itu, KPKT mewujudkan SMK di PPR dengan membina sebuah pejabat dan meletakkan kakitangan secara tetap untuk memantau serta mengadakan program berbentuk didikan kepada penghuni," katanya.

Menurutnya, PPR Taman Manggis dan Bagan Jaya terpilih untuk diwujudkan SMK dan ia akan dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin pada 16 Oktober ini.

"Ini adalah projek perintis dan kita berharap selain PPR ia dapat diperluaskan untuk semua skim perumahan pada masa akan datang," katanya.